

UCAPAN PERASMIAN  
Y. BHG. TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH  
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

BAGI

MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PADA 8 JULAI 2008 (SELASA)  
JAM 8.45 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis.

Y. Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud, Akauntan Negara Malaysia

Y.Bhg. Dato' Jamaluddin bin Abu Samah, Timbalan Akauntan Negara  
Operasi,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Akauntan Negara serta,

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di dewan yang indah ini bagi meraikan Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007 Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
2. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Penganugerahan ini merupakan penghargaan, pengiktirafan dan ucapan terima kasih

Kerajaan, khususnya dari pihak pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia terhadap prestasi kerja yang cemerlang dan sumbangan yang telah diberikan oleh saudara-saudari, yang boleh dicontohi oleh orang lain. Selaku penerima, saudara-saudari merupakan hanya 8 peratus daripada keseluruhan bilangan pegawai di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

3. Oleh itu, saudara-saudari haruslah juga menyedari bahawa anugerah ini membawa bersamanya tanggungjawab untuk menjadi pegawai yang boleh dicontohi oleh orang lain. Saya percaya saudara-saudari sememangnya mempunyai motivasi yang tinggi untuk terus berusaha meningkatkan lagi prestasi sebagai menghargai pengiktirafan yang diberikan ini. Meskipun jumlah mereka yang menerima anugerah agak kecil, namun saya percaya mereka merupakan sebahagian dari kelompok besar yang cemerlang dalam JANM. Saya percaya segala pencapaian perkhidmatan Jabatan merupakan sinergi atau penggemblengan di antara semua lapisan pegawai yang menunjukkan prestasi baik dan profesional. Secara tidak langsung kecemerlangan Kementerian bergantung pada prestasi dan kepimpinan Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian, apatah lagi Jabatan Akauntan Negara Malaysia merupakan di antara salah satu organisasi yang penting di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Saya bersyukur kerana perkhidmatan JANM selama ini telah berjaya membantu merealisasikan objektif Kementerian.

4. Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud serta seluruh warga JANM kerana sekali lagi JANM telah berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2007. Kejayaan yang telah dicapai oleh JANM ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan kebolehan dan kecemerlangan warga JANM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam usaha untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan awam dan organisasi Jabatan , kita memerlukan sistem penilaian yang komprehensif dan maklumat yang tepat untuk menilai sejauh mana usaha-usaha ini telah berjaya mencapai hasrat tersebut. Saya juga telah dimaklumkan bahawa JANM telah menyediakan Petunjuk Prestasi Utama atau '*Key Performance Indicators* (KPI) yang telah dilaksanakan mulai Julai 2007. Saya berharap hasil pengukuran akan membolehkan Bahagian-Bahagian JANM mengenal pasti tahap prestasi, kekuatan dan kelemahan masing-masing. Dengan ini, ia dapat menyediakan peluang kepada agensi untuk mengambil tindakan penambahbaikan dan memantau pengurusan prestasi secara berterusan. Sebagaimana yang tuan puan sedia maklum bahawa kementerian, jabatan dan agensi utama kerajaan akan diukur prestasi masing-masing melalui Sistem Penarafan Bintang atau *Star Rating* oleh pihak MAMPU. Saya dimaklumkan, penilaian

ini akan dilaksanakan oleh MAMPU di JANM dalam bulan Oktober 2008. Dengan kerjasama dan komitmen yang tinggi yang telah ditunjukkan oleh semua kakitangan, saya percaya JANM telah pun bersedia ke arah itu dan yakin akan mendapat penarafan yang baik.

6. Semua lapisan perkhidmatan awam hendaklah mengutamakan pelaksanaan dan pelanggan ke arah menjadikan perkhidmatan awam sebuah perkhidmatan kelas pertama. Ketua Setiausaha Negara dalam 'Komitmen Perkhidmatan Awam 2008' antara lain telah menyarankan akan keperluan perkhidmatan awam yang berteras dan menekankan konsep '*One Service, One Delivery dan No Wrong Door Policy*' di kalangan penjawat awam. Semua perkhidmatan perlu ada perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penguatkuasaan dan kajian semula. Setiap lapisan pegawai perkhidmatan perlu disemai dengan sikap yang betul seperti berminda positif, suka mencipta, meneroka, kreatif, berpandangan jauh dan mementingkan kualiti serta sentiasa meningkat kemahiran dan kompetensi.
7. Jika perkhidmatan awam ingin terus relevan, ia perlu berubah. Ia perlu sentiasa melakukan pembaharuan iaitu perlu menjadi lebih baik, lebih tangkas, lebih strategik dan berdisiplin. Pengurusan perubahan merujuk kepada kebolehan sesebuah organisasi untuk menyesuaikan diri menghadapi perubahan persekitaran yang tiada

noktahnya. Kakitangan awam hendaklah mengeksploitasikan perubahan ini untuk memajukan misi organisasi sekiranya ingin menjadi relevan. Pengurusan perubahan juga memerlukan kita meningkatkan tahap kompetensi dalam kita mengikuti perkembangan mekanisme atau teknologi baru penyampaian perkhidmatan. Kakitangan perkhidmatan awam hendaklah mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi memantapkan profesionalisme kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Dalam mengharungi arus globalisasi dan cabaran-cabaran k-ekonomi, kita perlu mewujudkan sebuah negara yang maju dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kunci bagi menghadapi cabaran-cabaran itu adalah Pengetahuan atau *knowledge*. Oleh itu adalah menjadi keutamaan bagi kita membangunkan keupayaan modal insan. Lantaran itu kita perlu secara berterusan mengukuhkan pembangunan modal insan selaras dengan tumpuan yang diberikan oleh kerajaan dalam RMK9. Modal insan merupakan aset yang paling penting dalam sesebuah organisasi. Dalam hal ini anggota perkhidmatan awam merupakan penentu kepada kejayaan atau kegagalan sesebuah agensi kerajaan. Modal insan mestilah berilmu, memiliki kemahiran yang bersesuaian dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Penyampaian perkhidmatan yang

menjangkau jangkauan pelanggan dan rakyat adalah salah satu petanda positif. Dalam erti kata lain, kita mesti memiliki kemahiran yang bersesuaian bagi menghadapi cabaran semasa.

9. Dalam menekankan pembangunan modal insan, kita juga perlu mengutamakan pembangunan dan penggunaan ICT termasuk pembangunan sistem-sistem dan proses-proses kerja yang berkualiti bagi menjamin penghasilan output serta menjana maklumat yang berkualiti. Sepertimana dikehendaki oleh YAB Perdana Menteri di dalam koleksi ucapannya “untuk mencapai perkhidmatan kelas dunia adalah dengan memudahkan rantai penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan dengan mengambil peluang pelbagai perkembangan teknologi yang lebih efisien dan selesa”. Perkhidmatan bertaraf dunia juga boleh dicapai dengan memegang konsep cepat dalam semua urusan, penyediaan perkhidmatan yang berkualiti serta telus dan perkhidmatan yang lebih proaktif terhadap aduan atau teguran.
  
10. Saya berharap supaya kita sentiasa bersama-sama bergerak sebagai satu entiti yang bersatu-padu di dalam mengejar kecemerlangan. Saya yakin bahawa dengan adanya semangat seperti ini, visi untuk menjadi sebuah organisasi yang terbilang akan tercapai. Walaupun masa depan menanti dengan pelbagai cabaran, saya tetap yakin dengan keupayaan JANM. Walaupun pada hari ini kita meraikan sejumlah 123 pegawai yang menerima Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang untuk tahun 2007, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa sebenarnya setiap orang dari kita, telah sama-sama memberi sumbangan yang besar kepada Jabatan dan Kementerian. Untuk itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua.

11. Sebagai tanda penghargaan terhadap perkhidmatan awam, baru-baru ini kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan umur persaraan wajib bagi anggota tetap di dalam sektor awam yang tertakluk kepada Skim Pencen atau pun Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP ) daripada 56 tahun kepada 58 tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008 melalui Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 6 Tahun 2008. Oleh itu, saya berharap semua pegawai dan kakitangan yang telah menerima opsyen tersebut dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan tempoh perlanjutan umur persaraan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kecemerlangan bukanlah sesuatu yang senang dan mudah dicapai. Ia memerlukan pengorbanan yang besar dan iltizam yang tinggi. Saya percaya semua orang mahu mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam kerja yang mereka lakukan tetapi tidak semua yang sanggup melakukan perkara yang mencabar. Amalan-amalan ke arah kecemerlangan seperti yang terkandung di dalam prinsip-

prinsip pengurusan kualiti menyeluruh, keutuhan pengurusan serta nilai-nilai murni yang diamalkan di dalam ajaran agama masing-masing perlu dijadikan pegangan hidup dan amalan sepanjang masa, terutama dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing tidak kira pangkat dan kedudukan.

13. Bagi menjana kecemerlangan yang sesuai ke arah yang baru, setiap pegawai kerajaan hendaklah membuat perubahan 'mind-set' atau anjakan paradigma untuk menerima perubahan ini. Kita perlu berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan kualiti kerja masing-masing. Kita harus sedar bahawa kualiti kerja yang dicari itu bukanlah satu keadaan yang statik malah akan terus berubah dengan lebih pesat lagi di masa hadapan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Cabaran yang lebih besar kepada warga perkhidmatan awam pada hari ini adalah untuk menukarkan cara bekerja dari menjalankan tugas-tugas rutin kepada peranan yang lebih besar sebagai pekerja berilmu yang sentiasa kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru, mampu meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku dan berani membuat pertimbangan dan keputusan serta sanggup menghadapi risiko.

15. Justeru, saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian pada perkembangan semasa ekonomi negara akibat kenaikan harga minyak dunia. Sebagai penjawat awam yang terlibat di dalam pengurusan perbelanjaan kerajaan, saudara/saudari hendaklah sentiasa mematuhi Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2008) dan Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Awam (Pekeliling Perbendaharaan 9/2008) agar hasrat kerajaan untuk menangani saat-saat sukar ini dapat diatasi demi kebaikan bersama. Kita hendaklah melaksanakan mekanisme yang terbaik selain daripada apa yang sedang dilaksanakan. Sebelum saya akhiri ucapan ini, ingin saya petik saraan Y.A.B Perdana Menteri yang telah mengetengahkan 5 prinsip utama bagi setiap kakitangan perkhidmatan awam untuk berkhidmat dengan lebih efisien dan efektif. Prinsip-prinsip tersebut adalah:

- i. Perkhidmatan awam tidak boleh langsung bertolak ansur terhadap prestasi yang rendah, sama ada di kalangan pegawai kanan atau bawahan.
- ii. Kakitangan awam harus bekerja keras melaksanakan semua strategi dan dasar kerajaan khususnya yang bertujuan merangsang ekonomi negara.
- iii. Mementingkan ketertiban dan kebersihan

- iv. Mengutamakan pelanggan; dan
- v. Mempunyai etika kerja yang baik

16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada saudara dan saudari yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini. Marilah kita bersama-sama bekerja dengan tekun, meningkatkan permuafakatan dan memperbaiki kelemahan dan kekurangan masa lalu agar kita dapat menjanjikan kejayaan masa depan yang lebih cemerlang buat perkhidmatan awam negara ini.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007 Peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Wassalam.